

Konsep kebudayaan dalam adat istiadat kaum Melayu Brunei di Sabah

ABSTRACT

Penulisan artikel ini adalah untuk mengkaji konsep kebudayaan dalam adat istiadat kaum Melayu Brunei di Sabah. Dalam kajian ini juga, pengkaji akan menjelaskan dan menceritakan gambaran ataupun bayangan mengenai sifatsifat serta unsur-unsur keaslian yang dimiliki oleh masyarakat Melayu Brunei di Sabah. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti kepentingan adat istiadat terhadap kaum Melayu Brunei di Sabah. Seterusnya, mengkaji sejauhmanakah konsep kebudayaan berkait rapat dengan adat istiadat dalam kalangan kaum Melayu Brunei di Sabah. Dalam pada masa yang sama, kajian ini telah menggunakan metod kajian melalui kajian perpustakaan iaitu sumber primer dan juga sumber sekunder. Bahan-bahan ini akan didapati daripada perpustakaan Universiti Malaysia Sabah. Di samping itu, kajian ini juga menggunakan kajian lapangan dalam metodologi kajian. Bagi mengukuhkan lagi data yang diperolehi, kajian lapangan tersebut adalah seperti, sesi temubual yang melibatkan beberapa orang responden. Dimulai dengan pendahuluan dan diikuti dengan permasalahan kajian iaitu, berlaku fenomena hakisan nilai serta budaya bangsa. Permasalahan kajian juga dapat dikenalpasti kerana, adat istiadat yang dipraktikkan pada masa kini, adalah kurangnya penerapan budaya ini dalam masyarakat generasi muda. Setelah itu, diikuti pula dengan hasil dapatan kajian berdasarkan objektif kajian iaitu terdapat beberapa kepentingan adat istiadat terhadap kaum Melayu Brunei serta hubungkait konsep budaya dengan adat istiadat kaum Melayu Brunei. Antaranya ialah, adat kelahiran, adat perkahwinan dan juga adat kematian. Oleh itu, hasil kajian ini perlu diambil berat oleh pihak berkaitan terutamanya kaum Melayu Brunei yang suda berumur agar mereka dapat mencari cara untuk mempertahankan adat istiadat ini agar lebih menarik minat masyarakat serta mampu melahirkan generasi yang mengambil berat tentang kepentingan sesuatu adat dan tidak hilang ditelan zaman.